



اَبُو سَيِّدِي تَيْكُو لُو كِي مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

**JABATAN BANGUNAN**

**FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**(PERAK)**

**OKTOBER 2012**

Adalah disyorkan bahawa Laporan Latihan Praktikal ini yang disediakan

Oleh

**Nama Pelajar: ROS HIDAYU BINTI HARUN**

**No KP UiTM: 2010813162**

**PERLANTAKAN CERUCUK KONKRIT BERTETULANG (R.C.PILE) UNTUK  
MASJID BATU 8, KUANTAN PAHANG.**

Diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi Diploma Bangunan.

Penyelia Laporan

Dr.Hayroman Ahmad

Koordinator Latihan Praktikal:

En. Noor Azam Yahaya

Penyelaras Program

Dr.Hayroman Ahmad

**JABATAN BANGUNAN**  
**FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR**  
**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**  
**(PERAK)**  
**OKTOBER 2012**

**PERAKUAN PELAJAR**

Adalah dengan ini, hasil kerja penulisan Laporan Latihan Praktikal ini telah dihasilkan sepenuhnya oleh saya kecuali seperti yang dinyatakan melalui latihan praktikal yang telah saya lalui selama 5 bulan mulai 21 Mei 2012 hingga 6 Oktober 2012 di Jabatan Kerja Raya Daerah Kuantan. Ianya juga sebagai salah satu syarat lulus kursus DBN307 dan diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi Diploma Bangunan.

Nama : ROS HIDAYU BINTI HARUN

No KP UiTM : 2010813162

Tarikh : 11 OKTOBER 2012

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah dan kurniaNya Laporan Latihan Praktikal ini dapat disiapkan dengan sempurna. Beribuan penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua individu yang sudi meluangkan masa memberi panduan, bimbingan, kerjasama serta teguran yang membina kepada saya dalam menyiapkan laporan ini terutama sekali kepada En.Shamsul Bahari selaku jurutera bahagian bangunan 2, En.Zairul Riza dan Cik Siti Juariah Zulkifliselaku penolong jurutera, En. Mahmud Busro, En.Mazlan Zakaria, En. Zolkepli B.Hasan, Pn.Rahmah BTE Harun, En.Jefri Sulong, En.Sabli Hussaini dan En.MD.Jafri MD Kassim selaku juruteknik dan Pn.Azizan MD Ali selaku pelukis pelan. Begitu juga, kepadaEn.Zul Bahrin B Mohammad selaku Pengurus Projek Pembinaan,Koordinator Latihan Praktikal En Zulkifli abd Halim, En. Mohd Haikal Ramli selaku pensyarah pelawat, Dr.Hayroman selaku penyelia pelajar, tidak lupa juga kepada semua para pensyarah Jabatan Bangunan dan juga khas buat nama-nama seperti berikut iaitu ayahanda dan bonda, dan kawan sekuliah serta lain-lain lagi yang nama mereka tidak dapat ditulis di sini semoga Allah s.w.t sahaja yang dapat membalas segala jasa dan pengorbanan mereka.

Sekian,terima kasih.

## **ABSTRAK**

Laporan ini menerangkan ringkasan kepada proses dan kaedah yang terlibat dalam kerja-kerja penanaman cerucuk. Penghasilan ini terhasil daripada lima bulan pengalaman berada di tapak projek pembinaan. Laporan ini terbahagi kepada beberapa bahagian dan dimulakan dengan latarbelakang syarikat dan latarbelakang projek pembinaan. Penanaman cerucuk memerlukan pembekalan yang mencukupi yang melibatkan kos yang amat tinggi. Di dalam laporan ini, diterangkan secara ringkas mengenai jenis cerucuk yang digunakan dalam industri pembinaan Malaysia. Selanjutnya, diterangkan dengan lebih mendalam mengenai cerucuk yang digunakan di tapak binaan serta kaedah yang dijalankan. Semasa proses penanaman cerucuk dijalankan terdapat beberapa masalah yang telah dihadapi dan laporan ini disudahi dengan beberapa cadangan yang dirasakan dapat menyelesaikan masalah yang dikenalpasti. Konklusinya, laporan ini dapat menjelaskan dengan lebih terperinci mengenai proses penanaman cerucuk secara praktikal kepada pembaca.



KANDUNGAN	MUKA SURAT
Penghargaan	i
Abstrak	ii
Isi kandungan	iii
Senarai Jadual	iv
Senarai Rajah	v
Senarai Lampiran	vi
Senarai Singkat Kata	vii
BAB 1.0 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Objektif Kajian	2
1.3 Skop Kajian	3
1.4 Kaedah Kajian	4
BAB 2.0 LATARBELAKANG SYARIKAT	
2.1 Pengenalan	5
2.2 Profil Syarikat	6
2.3 Carta Organisasi	8
2.4 Senarai Projek	
2.4.1 Projek yang telah disiapkan	9
2.4.2 Projek yang sedang dijalankan	10

## BAB 3.0 KAJIAN KES

3.1 Pengenalan	11
3.2 Latar belakang projek	25
3.3 Kajian kes	26

## BAB 4.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN<sup>44</sup>

### SENARAI RUJUKAN

LAMPIRAN A ‘Standard Penetration Test’

LAMPIRAN B Borang pemeriksaan Cerucuk (Peringkat Penerimaan)

LAMPIRAN C Borang pemeriksaan Cerucuk (Produk Siap)

LAMPIRAN D Susunatur ujian beban

LAMPIRAN E Borang ujian beban

LAMPIRAN F Borang *settlement* ujian beban

## SENARAI JADUAL

	MUKA SURAT
Jadual 2.4.1 Senarai projek siap	9
Jadual 2.4.2 Projek yang sedang dijalankan	10
Jadual 3.1.3 Jadual keupayaan galas asas cerucuk	14
Jadual 3.1.5.2.2 Jenis asas jalur dan kegunaannya	17
Jadual 3.1.5.2.3 Asas rakit dan kegunaannya	18
Jadual 3.3.3 Kaedah-kaedah perlantikan cerucuk konkrit bertetulang	41

## SENARAI RAJAH

### MUKA SURAT

Rajah 1.1 Carta organisasi bahagian bangunan	8
Rajah 3.1.4 Jenis-jenis asas	15

## SENARAI SINGKAT KATA

P.P	Pegawai Penguasa
B.S	<i>British Standard</i>
JKR	Jabatan Kerja Raya
BH	Bahagian
B.Q	<i>Bill of Quantities</i>
SPT	<i>Standard Penetration Test</i>



# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Kemajuan pembangunan dalam industri binaan melambangkan kemajuan sesebuah negara itu. Kekukuhan sesebuah bangunan pula terletak pada rekabentuk, struktur dan asasnya. Asas memainkan peranan yang besar dalam pengukuhan sesebuah bangunan. Asas terbahagi kepada dua bahagian iaitu asas cetek dan asas dalam. Asas cetek pula terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu asas rakit, asas jalur dan asas penapak manakala asas dalam adalah asas cerucuk. Asas cetek biasanya digunakan pada bangunan yang rendah dan tidak menanggung beban yang besar. Asas cerucuk pula digunakan pada bangunan-bangunan yang tinggi dan menanggung beban yang besar.

Asas bercerucuk merupakan asas yang sesuai dan ekonomik untuk digunapakai dalam kerja-kerja pembinaan bangunan dan jambatan. Bagi bangunan yang tinggi dan besar, asas cerucuk adalah sesuai untuk digunakan bagi menampung beban yang besar. Beban yang besar dari bangunan dipindah melalui tiang dan rasuk kebahagian yang dikenali sebagai tukup cerucuk sebelum beban itu diagih ke cerucuk di mana beban itu akan dipindah ke tanah. Biasanya cerucuk digunakan kerana keadaan tanahnya yang lemah. Beban-beban dipindah melalui geseran, tanggung hujung atau kedua-duanya.

## **1.2 Objektif Kajian**

1. Mengenal pasti jenis cerucuk konkrit bertetulang dan kesesuaian tanah.
2. Mengkaji kaedah ujian beban.
3. Mengenal pasti masalah perlantikan cerucuk dan cara mengatasi.

### **1.3 Skop Kajian**

1. Mengenal pasti keadaan tanah bagi cerucuk konkrit bertetulang.
2. Mengkaji proses-proses yang dijalankan bagi perlantakan cerucuk beserta ujian beban yang dilakukan.

#### **1.4 Kaedah Kajian**

Beberapa kaedah kajian dilakukan bagi mendapatkan sumber rujukan bagi melengkapkan objektif kajian yang telah dinyatakan, antara kaedah tersebut adalah:

##### **1. Pemerhatian ditapak**

Berdasarkan pemerhatian ditapak, dapat mengetahui dengan lebih lanjut mengenai proses-prose perlantikan cerucuk.

##### **2. Internet**

Bagi mendapatkan maklumat tambahan yang menyeluruh serta pantas, media elektronik adalah salah satu medium yang digunakan untuk mendapatkan maklumat bagi melengkapkan kajian yang dilakukan.

##### **3. Temu bual**

En.zolkipli merupakan juruteknik yang menjaga projek Masjid Batu 8, beliau banyak membantu dalam memberikan penerangan dengan lebih jelas mengenai kaedah perlantikan cerucuk serta ujian beban yang dilakukan.

##### **4. Bahan bacaan**

Melalui bahan bacaan seperti buku turut membantu dalam kajian yang dilakukan.

## **BAB 2**

### **LATAR BELAKANG SYARIKAT**

#### **2.1 Pengenalan**

Jabatan Kerja Raya Daerah Kuantan adalah sebuah Jabatan Kerja Raya yang bertanggungjawab bagi melaksanakan projek-projek pembangunan samaada projek persekutuan ataupun projek negeri. Projek pembangunan tersebut merangkumi pembinaan dan penyelenggaraan jalanraya serta bangunan kerajaan di Daerah Kuantan.

Di samping, berperanan sebagai agensi pelaksanaan projek-projek pembangunan, Jabatan Kerja Raya Daerah juga berperanan sebagai penasihat teknikal kepada jabatan-jabatan kerajaan lain khususnya yang berkaitan dengan pelaksanaan projek pembangunan.

Sejajar dengan peredaran zaman teknologi masakini, jabatan ini juga tidak ketinggalan dalam menggunakan komputer ke tahap yang maksima didalam kerja-kerja pentadbiran, kerja-kerja merekabentuk dan kerja-kerja pemantauan projek-projek pembangunan di daerah ini. Jabatan ini adalah komited terhadap pelaksanaan dan menyiapkan projek-projek yang telah dipertanggungjawabkan dalam jangkamasa yang secepat mungkin, kos yang ekonomik serta rekabentuk dan kualiti yang terbaik.

Laman web Jabatan Kerja Raya Daerah Kuantan adalah bertujuan sebagai sumber maklumat untuk semua, dimana semua aktiviti jabatan adalah telus kepada orang awam.



## 2.2 Profil Syarikat

Dikenali sebagai Public Works Department. JKR mula ditubuhkan pada tahun 1925. Pejabat pertama adalah pejabat tanah dan daerah. P.TRUMP adalah merupakan jurutera daerah yang pertama. JKR Daerah Kuantan bertempat di lot 151 kawasan perindustrian Semambu. Laluan JKR Daerah Kuantan melalui Kuantan bypass atau melalui Jalan Kuantan Kemaman memasuki simpang ke Semambu. Jarak perjalanan dari pusat bandar ke kawasan perindustrian Semambu 10km. Pejabat ini mula digunakan pada tahun 1994 dengan keluasan tanah seluas 22 hektar. Jumlah kakitangan asal adalah seramai 22 orang sahaja. JKR Daerah Kuantan terbahagi kepada lima bahagian iaitu, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Jalan, Bahagian Bangunan, Bahagian Ukur Bahan dan Bahagian Pengurusan Aset, Senggara dan Setor.

### 2.2.1 Logo Jabatan Kerja Raya



### 2.2.2 Objektif Jabatan Kerja Raya

Jangka masa secepat yang mungkin

Kos yang ekonomik

Rupabentuk dan mutu yang terbaik


### **2.2.3 Misi Jabatan**

1. Kami adalah jabatan teknikal yang terunggul dalam pembangunan infrastruktur Negara.
2. Kami menyediakan pelbagai kepakaran bagi memastikan amalan terbaik dalam perundingan teknikal, pengurusan projek dan pengurusan penyenggaraan asset/kemudahan.
3. Kami berusaha untuk menyediakan kualiti kehidupan yang lebih baik kepada semua kakitangan.
4. Kami menghargai serta mengamalkan keutuhan dan ketelusan.
5. Kami komited untuk berusaha kearah pembangunan lestari demi manfaat generasi hari ini serta akan datang.

### **2.2.4 Visi Jabatan**

1. Kami akan menjadi pusat kecermelangan pembangunan infrastruktur dengan menggunakan kreativiti dan inovasi modal insan serta teknologi terkini.

### 2.3 Carta Organisasi



Rajah 1.1 15 Carta organisasi bahagian bangunan

## 2.4 Senarai Projek

### 2.4.1 Projek telah disiapkan

Jadual 2.4.1 Senarai projek siap

Bil	Nama Projek	Nama Kontraktor	Harga Asal Kontraktor	Tarikh Mula	Tarikh Siap
Projek Masjid					
1.	Masjid Kg. Padang	Hikmat Awangku Sdn Bhd	3,245,300.00	10/11/09	03/01/11
2.	Masjid Bukit Goh	BaniBina Sdn Bhd	3,296,165.00	29/12/09	02/05/11
Projek Sekolah					
1.	SK Sg Isap	Armin (M) Sdn Bhd	2,789,794.00	05/04/10	15/11/10
2.	PPD Kuantan	Erat Temurun Sdn.Bhd	6,571,961.00	04/08/09	18/06/11
3.	SMK Sri Mahkota	Puncak Jaya Engineering	945,720.00	18/01/11	19/12/11
4.	SMK Sg.Soi	Yusof Enterprise	1,133,710.00	28/01/11	16/01/12

## 2.4.2 Projek yang Sedang Dijalankan

Jadual 2.4.2 Projek yang sedang dijalankan

Bil	Nama Projek	Nama Kontraktor	Harga Asal Kontraktor	Tarikh Mula	Tarikh Siap
Projek Masjid					
1.	Masjid Sg Isap	Kaizen Jaya Sdn Bhd	3,400,892.00	26/05/10	03/01/12
2.	Masjid Bt 8	Nur Karisma Ent Sdn Bhd	4,192,000.00	14/02/12	13/05/13
Projek Sekolah					
1.	Dewan Skuasy Panglima Perang	GPM Trading	-	14/08/12	1/04/13
2.	Dewan Terbuka	Hajiyat A-Z (Msdn bhd)	-	14/08/12	4/02/13
3.	SMK Astana	Hormat Prima Sdn Bhd	-	21/6/12	27/02/13



## **BAB 3**

### **KAJIAN KES**

#### **3.1 Pengenalan**

Asas cerucuk merupakan elemen struktur berbentuk tiang panjang yang berfungsi mengagihkan beban superstruktur melalui strata tanah yang kurang mampat atau lapisan air kepada strata yang lebih mampat dan kuat iaitu ke lapisan bawah tanah. Tanah akan mengalami enapan dan kegagalan asas kerana beban yang ditanggung terlalu besar dan tanah terlalu lemah untuk menampungnya. Asas adalah penting bagi sesebuah bangunan untuk memindahkan beban struktur kepada bumi dengan selamat dari segi keupayaan tanah dan juga enapan yang tidak melebihi had-had tertentu. Setiap beban yang ditanggung mempunyai nilai perbezaannya dan ia menentukan jenis dan saiz sesuatu asas untuk digunapakai.

Disebabkan asas menopang sesuatu struktur sepanjang hayat, maka jurutera perlu memastikan asas yang digunakan adalah sesuai dan mampu menanggung beban yang besar. Hal ini kerana, beban yang sudah dibina sukar untuk diubah semula. Oleh itu, penyiasatan tapak adalah penting bagi memastikan jenis asas yang sesuai untuk digunakan serta mengetahui keupayaan galas beban yang ditanggung.

### 3.1.1 Penyiasatan Tapak

Penyiasatan tapak adalah penting dalam reka bentuk asas. Ianya perlu dilakukan dengan baik dan dengan pengetahuan tentang keperluan struktur yang dibina. Sebelum sesebuah struktur direka bentuk, penyiasatan tapak seharusnya dilakukan terlebih dahulu. Pentingnya, penyiasatan ini adalah kerana untuk mengenal pasti tapak-tapak yang sesuai untuk pembinaan, penyediaan bahan-bahan untuk pembinaan dan masalah-masalah yang akan timbul apabila struktur dibina kelak. Tujuan utama dalam menjalankan penyiasatan tapak adalah untuk memperolehi keadaan struktur tanah dan keadaan air bumi di tapak.

Salah satu kaedah dalam penyiasatan tapak adalah dengan penggerudian. Sebagai contoh, lubang-lubang jara dan gerimit tangan, dan lubang-lubang cubaan dibuat untuk memerihalkan secara terperinci dan skematik susuk tanah. Sifat-sifat yang boleh nampak dan tekstur tanah termasuk kelapisan tanah. Ujian yang dijalankan seperti penusukan piawai (SPT) dan ujian rintangan kon. Ujian ini dilakukan bagi mendapatkan parameter tanah seperti kebolehmampatan dan kekuatan ricih tanah.

Selain itu, JKR telah melantik kumpulan IKRAM untuk menjalankan penyiasatan tapak di tapak bina Masjid Batu 8. Kerja-kerja rekabentuk dan syor asas adalah dibuat berdasarkan kepada keputusan ujian penyiasatan tanah yang dikendalikan oleh IKRAM Central. Ujian-ujian berikut telah dijalankan di tapak:

1. 2 bilangan ujian gerakan dalam sehingga dalaman mencapai maksimum 36.0m dari aras tanah sediaada.
2. 10 bilangan ujian proba mackintosh

### 3.1.2 Laporan Geoteknik

(Sumber: Laporan Syor Asas IKRAM SDN BHD)

#### 1. Analisa keputusan ujian

Berdasarkan graf 'SPT VS Depth' yang diplotkan (Lampiran A), tanah dikawasan ini terdiri dari tanah jenis 'Clay' 'Silt' dan 'Sand'.

BH 1 Kekuatan tanah pada BH1 adalah lemah sehingga kedalaman 7.5 m dengan nilai SPT N = 2 hingga 4kali hentaman/450mm. selepas kedalaman ini, kekuatan tanah meningkat ke sederhana kukuh sehingga kedalaman 9.0m dengan nilai SPT N = 6 hingga 8 hentaman/300mm. pada kedalaman berikutnya, kekuatan tanah meningkat dengan tidak konsisten diantara kukuh ke sangat kukuh sehingga kedalaman 28.5 dengan nilai SPT N = 50 hentaman/300mm.

BH 2 Kekuatan tanah pada BH 2 adalah tidak konsisten, diantara lemah-kukuh-sangat kukuh pada permukaan sediaada sehingga kedalaman 7.5m dengan nilai SPT N = 3,9,4 dan 18 hentaman/450mm. Selepas kedalaman ini, kekuatan tanah adalah kukuh sehingga kedalaman 22.5m dengan nilai SPT N = 8 hingga 15 hentaman/450mm. Selepas kedalaman ini, kekuatan tanah meningkat dengan tidak konsisten diantara sangat kukuh - keras – kukuh – sangat kukuh dengan nilai SPT N = 15 hingga 50 hentaman/300mm. Lapisan keras ditemui selepas kedalaman ini dengan nilai SPT N = 50 hentaman/300mm.

#### 2. Air Bawah Tanah

Bacaan aras air bawah tanah yang telah direkodkan ialah BH 1 = 1.7m dan BH 2 = 2.20m. Aras air bawah tanah ini diambil sewaktu kerja ujian penyiasatan tanah dan ia tidak menggambarkan aras air yang sebenarnya

### 3.1.3 Cadangan Syor Asas

Jadual 3.1.3 Jadual keupayaan galas asas cerucuk

Jenis bangunan	Saiz asas	Panjang (untuk tujuan) (m)
Masjid (1000 jemaah)	300 x 300	30 (12+12+6)
Tempat makan dan masak	300 x 300	18 (12+6)

*Sumber: Laporan syor asas IKRAM SDN BHD*


### 3.1.4 Syarat-syarat Syor Asas

1. Daya tanggungan beban cerucuk yang direkabentuk adalah terdiri daripada daya geseran badan cerucuk untuk bangunan tempat makan dan tempat masak manakala untuk masjid terdiri daripada daya tanggungan hujung cerucuk.
2. Cerucuk konkrit tetulang Gred 40 kelas 1 Piawai JKR atau kelas S Piawai MS 1314, Cerucuk-cerucuk permulaan hendaklah dipasang dengan sepatu jenis 1 (pointed pile shoe).
3. Cerucuk hendaklah dilantak sehingga set untuk bangunan masjid sahaja. Set dijangka akan ditemui pada kedalaman 30.0 meter. Manakala bagi bangunan tempat masak dan tempat makan, cerucuk hendaklah dilantak sehingga kedalaman seperti yang dicadangkan didalam jadual 2. Untuk tujuan tender panjang cerucuk boleh diambil seperti jadual di atas. Cerucuk – cerucuk tambahan mungkin diperlukan bagi menggantikan cerucuk – cerucuk yang patah atau tersendeng dan sebagainya. Bagi kawasan ini adalah dicadangkan supaya tambahan sebanyak 10% disertakan dalam B.Q.
4. Keupayaan galas cerucuk yang direkabentuk adalah keupayaan untuk satu cerucuk sahaja. Sila pastikan bilangan cerucuk adalah mencukupi dengan minima dua batang cerucuk bagi setiap satu tiang.



5. Penggunaan 'hydraulic hammer' adalah digalakkan bagi mengurangkan pencemaran bunyi bising dan gegaran berlebihan yang akan mengganggu keutuhan struktur bangunan-bangunan bersebelahan.

Dengan adanya penyiasatan tapak, jenis asas yang akan digunakan dapat diketahui. Hal ini kerana, penggunaan sesuatu asas adalah penting bagi mengelakkan sebarang masalah pada masa akan datang. Asas terbahagi kepada dua jenis iaitu:



Rajah 3.1.4 Jenis-jenis asas

### 3.1.5 Jenis-jenis asas:

1. Asas cetek
2. Asas dalam

#### 3.1.5.1 Asas Cetek

Merupakan asas menghantar beban struktur kepada tanah berdekatan dengan permukaan bumi.



### 3.1.5.2 Jenis-jenis Asas Cetek


1. Asas pad
2. Asas jalur
3. Asas rakit

#### 3.1.5.2.1 Asas Pad

Asas pad biasanya digunakan pada bangunan yang rendah seperti rumah kediaman dan tidak melebihi empat tingkat di atas tanah kukuh seperti tanah berbatu kelikir. Kebanyakan bangunan sedemikian berupa struktur kerangka yang bertiang. Beban yang ditanggung oleh tiang tidak besar kerana bangunannya rendah. Asas pad merupakan asas tiang. Saiz pad bergantung kepada beban yang ditanggung serta keupayaan galasnya. Asas pad dibina daripada konkrit bertetulang. Nisbah campuran konkrit yang biasa digunakan ialah 1:2:4. Tetulang keluli digunakan dalam pembinaan asas pad untuk mengukuhkan asas serta mengurangkan ketebalan asas tersebut. Jenis tetulang keluli yang biasas digunakan ialah tetulang keluli tegangan tinggi.



Gambar 3.1.5.2.1 Asas Pad di Dewan Skuasy Panglima Perang,  
Kuantan.



Gambar 3.1.5.2.1 Jenis-jenis asas pad yang digunakan di tapak bina

*Sumber:*

[http://enq.upm.edu.my/webkaw/coursenotes/3314n/asas\\_cetek](http://enq.upm.edu.my/webkaw/coursenotes/3314n/asas_cetek)

### 3.1.5.2.2 Asas Jalur

Terdapat bangunan yang tidak mempunyai tiang tetapi menggunakan dinding yang bertindak mengagihkan beban daripada komponen-komponen lain kepada asas bangunan. Asas yang dibina adalah sama kepanjangannya dengan dinding. Asas dibawah dinding ini ialah asas jalur. Asas jalur dibina daripada konkrit yang bernisbah 1:2:4. Asas jalur terbahagi kepada dua jenis iaitu:

Jadual 3.1.5.2.2 Jenis asas jalur dan kegunaannya

Jenis asas jalur	Kegunaan
Asas jalur biasa	Sesuai digunakan pada tanah yang berkeupayaan galas seperti tanah berbatu kelikir.
Asas jalur dalam	Digunakan pada tanah berkelodak atau tanah liat yang mengecut mengikut kandungan kelembapannya.

*Sumber:* <http://alifztune-skyline.blogspot.com>

### 3.1.5.2.3 Asas Rakit

Asas rakit digunakan di tanah yang berkeupayaan galas rendah dan cenderung mengena secara tidak sekata apabila dikenakan beban. Jika asas pad atau asas jalur dibina, luas pad atau lebar jalur agak besar dan hampir menutupi seluruh tapak bangunan. Enapan yang tidak sekata akan menyebabkan keretakan pada komponen-komponen bangunan. Oleh itu, papak konkrit lebih sesuai dibina sebagai asas bangunan. Papak ini dinamakan asas rakit. Asas rakit terdapat beberapa jenis iaitu:

Jadual 3.1.5.2.3 Asas rakit dan kegunaannya

Jenis asas rakit	Kegunaan
Asas rakit papak padu	<ul style="list-style-type: none"><li>-Asas didirikan dengan menggunakan konkrit.</li><li>-Ketebalan papak bergantung kepada beban yang ditanggung dan keadaan tanahnya.</li><li>-Papak diguna bersama tetulang pada kedua-dua hala bagi mengukuhkan lagi papak.</li><li>- Ketebalan maksima papak ialah 300mm.</li></ul>
Asas rakit rasuk dan papak	<ul style="list-style-type: none"><li>-Beban bangunan terlalu besar maka guna papak melebihi 300mm.</li><li>-Papak konkrit bertetulang dibina di atas tanah manakala rasuk dibina diatas papak pada kedudukan yang telah ditetapkan.</li></ul>
Asas rakit bersel	<ul style="list-style-type: none"><li>-Sesuai diguna pada tanah yang longgar dan cenderung mengena dengan tak sekata seperti tanah bekas lombong.</li><li>-Papak yang dibina mencapai ketebalan melebihi 1 meter.</li><li>- Asas rakit bersel lebih elok berbanding asas rakit yang lain.</li></ul>

Sumber: <http://aliffztune-skyline.blogspot.com>

### 3.1.5.3 Asas Dalam


Asas cerucuk digunakan apabila beban bangunan terlalu besar atau lapisan tanah atas, di tapak bina berkeupayaan galas rendah. Disebabkan itu, beban bangunan terpaksa dipindahkan kepada lapisan tanah yang paling dalam.

### 3.1.5.3 Jenis-jenis Cerucuk

1. Cerucuk geseran (friction pile)
2. Cerucuk tanggung hujung (End-bearing)

### 3.1.5.4 Cerucuk Geseran (Friction pile)

Cerucuk jenis dapat menampung beban superstruktur dari bangunan dan menyebarkan kepada permukaan cerucuk dengan permukaan tanah. Kebiasaanya, cerucuk ini digunakan dikawasan bertanah liat dan berkelodak. Cerucuk geseran mempunyai kesan yang boleh membawa bilangan tekanan ke paras tanah yang keras dan padat yang boleh menampung tekanan beban yang dikenakan daripada superstruktur bangunan. Ini kerana, tekanan yang dikenakan pada bahagian tanah adalah lemah dan tidak dapat menahan beban dengan berkesan.




Gambar 3.1.5.4 Keratan strata tanah bagi cerucuk geseran

Sumber: [www.scribd.com/doc](http://www.scribd.com/doc)



### 3.1.5.5 Tanggung Hujung (End-bearing pile)

Cerucuk jenis ini dapat membawa beban superstruktur melalui tanah lembut dan memindahkan beban tersebut kepada aras tanah yang keras atau melalui hujung cerucuk yang dihentam sehingga bacaan “setting” dicapai pada lapisan tanah keras. Cerucuk ini merupakan tiang-tiang yang terletak pada tapak yang kukuh untuk menanggung kesemua beban bangunan.




Gambar 3.1.5.5 Keratan strata tanah bagi cerucuk tanggung hujung

Sumber: [www.scribd.com/doc](http://www.scribd.com/doc)

### 3.1.5.6 Jenis-jenis Cerucuk

#### 3.1.5.6.1 Cerucuk Spun

Kebiasaannya, cerucuk ini digunakan dalam pembinaan bangunan dan jambatan. Saiz atau ukuran telah ditetapkan oleh pereka. Dalam pembinaan jambatan, saiz spun pile yang biasa digunakan ialah 12 meter. Panjang spun pile bergantung pada keadaan tanah. Cerucuk ini berdiameter 450mm, 500mm dan 600mm dan letebalannya ialah 90mm. Setiap cerucuk mempunyai perbezaan pada saiz dan juga susunan tetulang. Kebiasaannya, cerucuk akan ditempah berdasarkan spesifikasi yang ditetapkan di dalam pelan sebelum sesuatu projek dimulakan. Setiap pembinaan cerucuk perlu dilakukan secara teliti bagi mendapatkan cerucuk yang berkualiti. Mesin ‘hydraulic hammer’ digunakan untuk melantak spun pile.



Gambar 3.1.5.6.1 Struktur 'Spun Pile'

Sumber: <http://malaysiaconstructionindustry.blogspot.com>



Gambar 3.1.5.6.1.1 Cerucuk Spun

### 3.1.5.6.2 'Sheet Pile'

Pile ini biasa digunakan di kawasan perairan seperti sungai, pantai ataupun laut. Pile jenis ini digunakan untuk menahan tanah dan juga air untuk mengelakkan dari berlakunya tanah runtuh semasa kerja-kerja pembinaan. 'Sheet pile' mampu menahan tekan bumi yang tinggi (high earth pressure) terutamanya dikawasan tanah yang lembut. Kekuatannya terletak pada bahan dan ikatan diantara keluli dengan keluli yang lain-lain. Ianya juga digelar sebagai 'Retaining Wall'. 'Sheet pile' boleh digunakan secara sementara mahupun kekal. Kos bagi 'sheet pile' amat mahal tetapi sangat tahan dan berkesan dalam menahan tanah mahupun air. Cara pembinaan sheet pile melalui cara hentakan menggunakan 'hammer' ataupun 'vibrator'. Ianya sangat sesuai dalam pembinaan basement dan juga dinding penahan ombak. Kelebihan menggunakan 'sheet pile' ialah mudah dipasang, tidak mengambil masa yang lama dan kos yang murah.




Gambar 3.1.5.6.2 'Sheet Pile'

*Sumber: <http://malaysiaconstructionindustry.blogspot.com>*



### 3.1.5.6.3 Cerucuk Gerek

Cerucuk gerek menggunakan konkrit in-situ dimana, kerja-kerja konkrit dilakukan ditapak. Bagi pembinaan jalan di Cherok Paloh, cerucuk gerek telah digunakan. Kebiasaanya, cerucuk jenis ini digunakan dalam pembinaan jambatan. Saiz yang digunakan ialah 250 x 250. Pengorekan lubang menggunakan auger. Cerucuk ini sesuai bagi beban galas yang tinggi. Beban yang dibenarkan 50-100tan.



Gambar 3.1.5.6.3 'Auger Drilling'

Sumber: <http://malaysiaconstructionindustry.blogspot.com>



Gambar 3.1.5.6.3.1 'Steel Cage' yang telah ditanam bersama 'casing'



#### 3.1.5.6.4 Cerucuk Mikro

Cerucuk mikro lebih mahal berbanding cerucuk-cerucuk yang lain. Kurang bising dan kurang pencemaran. Sesuai diguna dikawasan batu kapur dan kerja-kerja underpinning. Kebiasaannya, diguna di lereng-lereng bukit yang mempunyai batu dan kawasan yang mempunyai batu cetek.

#### 3.1.5.6.5 Cerucuk Bakau

Cerucuk bakau digunakan dikawasan yang lembap dan berair. Kebiasaannya, kawasan yang sering menggunakan cerucuk jenis ini ialah di kawasan tanah liat. Cerucuk bakau hendaklah bebas dari reput, jangkitan kulat atau serangan serangga. Cerucuk bakau hendaklah dibekalkan dalam satu ukuran panjang tidak kurang dari 6.0 meter. Diameter cerucuk hendaklah tidak kurang dari 100mm di mana-mana bahagian di sepanjang cerucuk. Cerucuk bakau hendaklah dilantak dengan menggunakan pemukul yang beratnya tidak kurang dari 250kg yang digantung daripada alat pelantak cerucuk yang diluluskan. Pelapik digunakan mengguna kayu keras dan jika perlu kepingan kayu hendaklah digunakan di atas topi.



Gambar 3.1.5.6.5 Mesin 'A Frame'

Sumber: <http://malaysiaconstructionindustry.blogspot.com>

### **3.2 Latar belakang projek**

Projek Membina Masjid Baru Jamek Batu 8, Jalan Gambang, Kuantan, Pahang Darul Makmur, merupakan projek naik taraf masjid lama. Projek ini dibina ditapak lama Masjid Jamek. Sebelum kerja-kerja awalan dilakukan, kerja-kerja meroboh masjid lama dijalankan terlebih dahulu.

Kontraktor yang bertanggungjawab membina masjid ini ialah syarikat Nur Karisma SDN.BHD. Tarikh projek ini bermula pada 14 Februari 2012 sehingga 13 Mei 2013. Harga projek bernilai RM 4,192,000.00.

Kontraktor telah melantik sub-kontraktor dari syarikat Jaya Engineering & Piling untuk kerja-kerja melantak cerucuk. Cerucuk-cerucuk yang digunakan dibekal dari kilang MDC yang terletak di Selangor.

### 3.3 Kerja-kerja perlantakan Cerucuk Konkrit Bertetulang (R.C Pile)

#### 3.3.1 Pengenalan

Sesebuah bangunan mempunyai beban yang perlu ditanggung. Setiap beban yang ditanggung mempunyai nilai yang berbeza. Oleh itu, penggunaan cerucuk pada sesebuah bangunan adalah penting demi menjamin kekukuhan sesebuah bangunan. Tempoh kerja-kerja perlantakan cerucuk mengambil masa selama sebulan lebih termasuklah dengan ujian beban yang telah dilakukan. Sebanyak 184 ‘point’ yang telah ditandai dengan ‘peg’ untuk dilantak bersama cerucuk.



Gambar 3.3.1 Cerucuk konkrit bertetulang yang telah dilantak

Cerucuk konkrit bertetulang berbentuk 4 segi dengan panjangnya seperti tiang. Cerucuk ini merupakan cerucuk konkrit tuang dulu. Cerucuk ini diperbuat daripada konkrit tetulang biasa atau tetulang tegas dahulu dengan panjang mengikut saiz yang dikehendaki. Cerucuk jenis ini dibuat dikilang. Jenis tetulang yang digunakan ialah 4T10. Fungsi tetulang digunakan adalah untuk menahan tegangan yang dikenakan semasa kerja-kerja penanaman cerucuk dijalankan.

Panjang cerucuk terbahagi kepada empat iaitu 3m, 6m, 9m dan 12m. Panjang cerucuk yang digunakan ditapak bina ialah 12m dan 6m. Panjang cerucuk berdasarkan panjang

keseluruhan yang diukur dari pengujung sepatu cerucuk kebahagian atas kepala cerucuk. Gred konkrit bagi cerucuk ini terdapat dua kategori, G25 sesuai digunakan ditanah yang lembut manakala G40 sesuai digunakan ditanah yang keras. Mengikut penyiasatan tanah yang telah dijalankan, G40 lebih sesuai digunakan bagi cerucuk konkrit bertetulang kerana keadaan tanahnya yang keras.

Saiz yang dikeluarkan oleh pengilang terdapat dalam beberapa jenis iaitu:

- a. 150mm x 150mm
- b. 200mm x 200mm
- c. 250mm x 250mm
- d. 300mm x 300mm

Bagi membina projek Masjid Batu 8, saiz yang digunakan ialah 300mm x 300mm, ini kerana beban yang ditanggung adalah besar dan untuk mendapatkan kekukuhan yang lebih mantap. Kedalaman cerucuk yang ditanam adalah sedalam 30m dibahagian bangunan utama dan menara manakala bangunan dibahagian luar seperti bahagian tandas, tempat makan, tempat masak dan juga tempat jenazah sedalam 18m. Rujuk kepada jadual 3.1.1.

Sepatu cerucuk yang digunakan ialah jenis 'Pile Shoe'. Sepatu yang digunakan mestilah mematuhi perkara seperti berkenaan:

Sumber: Piawai spesifikasi-spesifikasi binaan bangunan

- a) Sepatu besi tuangan yang dikeraskan melalui proses penyejukan segera seperti yang ditunjukkan untuk diguna membuat tugas besi kelabu perlu mematuhi Piawai British B.S 1452, Gred 10; atau
- b) Keluli sederhana mematuhi Piawai British B.S 4360, Gred 50; atau
- c) Keluli tuangan mematuhi Piawai British B.S 3100, Gred A.





Gambar 3.3.1 Sepatu cerucuk jenis 'Pile Shoe'

Cerucuk yang sampai ketapak mestilah diperiksa tempoh kematangannya. Setiap kepala cerucuk terdapat satu kertas yang ditampal bagi menunjukkan tarikh tuangan konkrit, nombor rujukan dan ukuran panjang cerucuk. Sebelum kerja-kerja melantak cerucuk dimulakan, wakil tapak akan memeriksa tempoh kematangan cerucuk untuk diisi didalam borang pemeriksaan kerja cerucuk konkrit bertetulang (Peringkat Penerimaan) dan (Peringkat Semasa) seperti di (Lampiran C). Selepas pemeriksaan dibuat oleh wakil tapak maka wakil JKR akan mengesahkan kenyataan tersebut dan kerja-kerja melantak cerucuk boleh dimulakan.

Sebelum cerucuk dilantak menggunakan 'hydraulik hammer', wakil tapak perlu menyediakan borang data penanaman cerucuk. Data-data tersebut berhubung mengenai kedudukan cerucuk, perkiraan 'number of blow' dalamnya yang ditanam, berat dan jarak jatuhnya pengetuk.

**BORANG DATA PENANAMAN CERUCUK**

Nama Proyek: ...  
 Lokasi: ...  
 Tanggal: ...

No	Jenis	Diameter	Tinggi	Waktu	Gaya	Jarak
1						
2						
3						
4						
5						
6						
7						
8						
9						
10						
11						
12						
13						
14						
15						
16						
17						
18						
19						
20						
21						
22						
23						
24						
25						
26						
27						
28						
29						
30						
31						
32						
33						
34						
35						
36						
37						
38						
39						
40						
41						
42						
43						
44						
45						
46						
47						
48						
49						
50						
51						
52						
53						
54						
55						
56						
57						
58						
59						
60						
61						
62						
63						
64						
65						
66						
67						
68						
69						
70						
71						
72						
73						
74						
75						
76						
77						
78						
79						
80						
81						
82						
83						
84						
85						
86						
87						
88						
89						
90						
91						
92						
93						
94						
95						
96						
97						
98						
99						
100						

Dibuat: \_\_\_\_\_  
 Ditulis: \_\_\_\_\_  
 Ditelaah: \_\_\_\_\_  
 Diperiksa: \_\_\_\_\_

Gambar 3.3.1.1 Borang data penanaman cerucuk

Setelah pemeriksaan keatas cerucuk dilakukan, cerucuk hendaklah ditandakan dengan ukuran 0.3m. Setelah cerucuk diangkat ke kerangka cerucuk, wakil tapak perlu memastikan cerucuk berada pada kedudukan yang betul dan cerucuk hendaklah ditegakkan dengan tepatnya. Bagi memastikan cerucuk berada dalam keadaan tegak maka alat aras spirit digunakan. Cerucuk diangkat dengan perlahan-lahan lalu dimasukkan kedalam lubang ‘piling machine’.



Gambar 3.3.1.2 Pekerja memastikan cerucuk berada di titik yang betul



Gambar 3.3.1.3 Alat aras spirit digunakan untuk mendapatkan ketegakkan cerucuk

Oleh itu, kerja-kerja melantak cerucuk boleh dimulakan. Cerucuk dilantak menggunakan mesin 'hydraulik hammer'. Berat penukul hammer ialah 6.0 tan manakala tinggi jatuhan penukul ialah 340mm. Semasa melantak cerucuk, kepala cerucuk akan disarungkan dengan topi cerucuk (*helmet*) bersama-sama dengan lapisan kusyen kayu untuk menahan hentaman diatas topi cerucuk. Kusyen kayu diletakkan untuk mengurangkan bunyi bising dan juga mengelakkan dari percikan api apabila topi cerucuk bertemu dengan kepala cerucuk.

Cerucuk yang dilantak bermula dari 'starter' dan disambung dengan 'extension'. Penyambungan cerucuk konkrit bertetulang perlulah disambung dengan menggunakan kaedah kimpalan bagi memperkuatkan lagi keadaan cerucuk konkrit semasa ketukan dijalankan. Ia juga perlu dicat dengan menggunakan cat anti karat bagi mengelakkan berlakunya pengaratan ketika cerucuk berada dalam tanah.





Gambar 3.3.1.4 Cat anti karat disapu setelah dikimpal

Cerucuk akan dilantak sehingga mencapai 'set'. 'Set' adalah jarak terakhir penetrasi cerucuk kedalam tanah bagi setiap pukulan. 'Set' diambil ketika 10 pukulan terakhir. Tujuan 'set' diambil adalah untuk menentukan kemampuan tanggung muktamad cerucuk. Cara-cara pengambilan 'set' cerucuk adalah seperti berikut;

- a) 'Set' diambil dengan meletakkan kertas graf pada cerucuk dan pensil diletakkan secara melintang pada kayu lurus dan rata yang disokong oleh dua penahan.



Gambar 3.3.1.5 Penandaan pada graf untuk mengambil 'set'



- a) Setiap hentakan pada cerucuk, pensil akan digerak dari kiri ke kanan hingga 10 pukulan.
- b) Ukuran set terakhir bagi setiap cerucuk selain dari cerucuk tangung geseran, hendaklah direkod samaada pada kadar ketelusan dalam unit mm bagi setiap 10 hentakan atau bilangan hentakkan yang diperlukan untuk menghasilkan ketelusan setakat 25mm.

Apabila ukuran set terakhir diambil, perlu mengikuti peraturan seperti;

- a) Bahagian cerucuk yang terdedah hendaklah di dalam keadaan baik tanpa cacat atau berubah rupa bentuknya.
- b) Pelapik kepala cerucuk hendaklah didalam keadaan yang baik.
- c) Hentakkan penukul hendaklah sejajar dengan paksi cerucuk dan permukaan yang dihentak hendaklah mendatar dan bersudut tepat dengan cerucuk-cerucuk dan paksi pemukul.
- d) Pemukul hendaklah di dalam keadaan baik dan dikendalikan dengan betul.

### 3.3.2 Ujian beban

Ujian beban yang digunakan oleh JKR ialah 'Maintained Load Test', telah dinyatakan didalam B.Q. Ujian beban dilakukan bagi mengenalpasti cerucuk yang digunakan mampu menanggung beban struktur bangunan. Ujian beban ini dilakukan di bahagian tempat masak. Ujian ini dijalankan selama 48 jam dan perlu diawasi setiap masa sepanjang ujian dijalankan. Sebelum ujian ini dijalankan, wakil tapak perlu mengisi borang-borang seperti borang pemeriksaan kerja ujian beban cerucuk (Produk Siap), (Peringkat Penerimaan) dan (Proses Pembinaan) seperti (Lampiran D).

- b) Setiap hentakan pada cerucuk, pensil akan digerak dari kiri ke kanan hingga 10 pukulan.
- c) Ukuran set terakhir bagi setiap cerucuk selain dari cerucuk tanggung geseran, hendaklah direkod samaada pada kadar ketelusan dalam unit mm bagi setiap 10 hentakan atau bilangan hentakkan yang diperlukan untuk menghasilkan ketelusan setakat 25mm.

Apabila ukuran set terakhir diambil, perlu mengikuti peraturan seperti;

- a) Bahagian cerucuk yang terdedah hendaklah di dalam keadaan baik tanpa cacat atau berubah rupa bentukdaya.
- b) Pelapik kepala cerucuk hendaklah didalam keadaan yang baik.
- c) Hentakkan penukul hendaklah sejajar dengan paksi cerucuk dan permukaan yang dihentak hendaklah mendatar dan bersudut tepat dengan cerucuk-cerucuk dan paksi pemukul.
- d) Pemukul hendaklah di dalam keadaan baik dan dikendalikan dengan betul.

### 3.3.2 Ujian beban

Ujian beban yang digunakan oleh JKR ialah 'Maintained Load Test', telah dinyatakan didalam B.Q. Ujian beban dilakukan bagi mengenalpasti cerucuk yang digunakan mampu menanggung beban struktur bangunan. Ujian beban ini dilakukan di bahagian tempat masak. Ujian ini dijalankan selama 48 jam dan perlu diawasi setiap masa sepanjang ujian dijalankan.

Sebelum ujian ini dijalankan, wakil tapak perlu mengisi borang-borang seperti borang pemeriksaan kerja ujian beban cerucuk (Produk Siap), (Peringkat Penerimaan) dan (Proses Pembinaan) seperti (Lampiran D).

### 3.3.2.1 Alat-alat ujian beban

#### 1. 'Kentledge'

Diperbuat daripada blok konkrit yang berbentuk empat segi. Berat 'kentledge' seharusnya melebihi 20% beban maksima.



Gambar 3.3.2.1 Susunan 'Main Load Test'

#### 2. 'Test pile'

Kepala cerucuk dipotong menggunakan 'concrete cutter'. Perlu memastikan kepala cerucuk diratakan.

#### 3. 'Main reaction beam and secondary beam'

#### 4. Jek hidraulik

Jek hidraulik, pam dan hos hendaklah berada dalam keadaan yang baik serta boleh menanggung beban 1.5x beban maksima.



Gambar 3.3.2.2 Jek hidraulik



Gambar 3.3.2.2 Jek hidraulik

5. 'Dial gauge'

Bilangan yang diperlukan sebanyak 4biji. 'Dial gauge' akan dipasang di atas gelas kaca bagi mengelakkan bacaan menjadi ralat. Perlu memastikan bahawa jarum jam bergerak dengan lancar.



Gambar 3.3.2.3 'Dial gauge' yang telah siap dipasang


6. 'Pressure gauge'

'Calibration' perlu dibuat setiap 6 bulan. Perlu dipastikan pergerakan jam berjalan dengan lancar.



### 1. Pam hidraulik

Digunakan semasa penambahan dan penurunan beban dijalankan.



Gamabar 3.3.2.4 Pam hidraulik

### 2. Alat ukur aras

Alat ukur aras dipasang diatas tanah yang stabil dan disimenkan bagi mengelakkan dari sebarang pergerakan yang berlaku. Jarak antara alat ukur aras dengan beban sebanyak 6 meter.

#### 3.3.2.2 Persediaan untuk menjalankan Ujian Beban

1. Kontraktor hendaklah memastikan bahawa apabila jek hidraulik dan alat pengukur beban dipasang atas kepala cerucuk, keseluruhan sistem hendaklah stabil sehingga beban maksima dikenakan.
2. Ujian beban hendaklah dikenakan dengan menggunakan jek hidraulik yang mempunyai keupayaan yang cukup dan dilengkapi dengan alat pengukur beban.
3. Jek hidraulik, pam, hos, paip, kupling dan alat-alat yang hendak digunakan di bawah tekanan bersamaan dengan  $1 \frac{1}{2}$  kali ganda lebih dari beban ujian maksima tanpa.
4. Dimana ujian kadar ketelusan tetap dikehendaki, keupayaan pam untuk jek hendaklah yang membolehkan cerucuk bergerak berterusan dan tanpa menggunakan penyendal pada jarak sekurang-kurangnya 50mm.

5. Alat pengukur hendaklah dari jenis yang diluluskan oleh P.P dan berupaya mencatatkan beban dalam kadar kenaikan tidak melebihi 2kN.
6. Jek hidraulik dan alat pengukur hendaklah ditentukan bersama untuk kelulusan P.P sebelum dan selepas setiap siri ujian, apabila penyesuaian dibuat pada alat-alat tersebut atau pada tempoh-tempoh yang tertentu untuk jenis alat yang digunakan. Sijil-sijil tentukan hendaklah dikemukakan kepada P.P.
7. Alat-alat beban hendaklah berkeupayaan untuk disesuaikan sepanjang tempoh ujian bagi memperolehi penambahan beban yang sesuai atau untuk mengekalkan tiap-tiap beban mantap pada peringkat yang dikehendaki bagi ujian beban tetap.

#### 3.3.2.3 Prosedur-prosedur Ujian Beban

